

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Serdang

Penjenamaan semula program keusahawanan

tarik minat mahasiswa

rancangan perniagaan, pembentukan, peperiksaan dan perniagaan sebenar selama empat minggu.

"CEM UPM juga akan memberi tumpuan terhadap latihan perniagaan atas talian menerusi e-putrabiz yang antara lain bertujuan memberi pendedahan mengenai pemasaran dan pembangunan laman web selari dengan kepentingan internet dalam perniagaan.

Gaya perniagaan

"Trend berniaga menerusi laman sosial dan internet menjadikan bidang perniagaan berkembang pesat dengan pantas, jadi peluang itu perlu dimanfaatkan mahasiswa dengan menggunakan platform maya sebagai tapak keusahawanan," katanya.

Dr Mass Hareeza ber-

kata, hal ini adalah gaya perniagaan terkini, jadi kita perlu gunakannya untuk menarik minat mahasiswa dalam keusahawanan dan tidak lagi menyampaikan ilmu perniagaan dengan kaedah konvensional.

Katanya, strategi lain turut diatur, antaranya menggabungkan penganjuran karnival kerjaya dengan keusahawanan, program perniagaan berasaskan produk halal, program keusahawanan sosial dengan menyediakan peluang perniagaan kepada golongan asnaf serta mengada-



Dr Mass Hareeza Ali@Hamid.


kan karnival Satu Negeri Satu Payung yang memberi peluang mahasiswa menentengahkan produk negeri masing-masing.

Mengulas lanjut, katanya, Prosedur Operasi Standard (SOP) akan diperkenalkan agar segala kegiatan, kemudahan dan proses keusahawanan di kampus dapat direkod, dipantau serta digredkan sekali gus membantu menambatkan perniagaan mahasiswa.

"Dokumentasi ini penting supaya semua pihak menyedari mengenai aktiviti keusahawanan

yang berjalan di kampus terutama membabitkan program dan kemudahan, manakala mahasiswa pula tahu yang mereka dalam sesi bimbingan serta perkembangan perniagaan mereka sentiasa dinilai CEM.

"Mahasiswa perlu mempunyai lesen perniagaan peringkat universiti dan rakan pembimbing iaitu usahawan sebenar, malah turut digalakkan untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakan lain bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan," katanya.



Universiti perlu melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mentransformasi bidang keusahawanan kampus.

INFO

Inisiatif CEM UPM bantu mahasiswa

- Tubuh Jawatankuasa Pemandu selaraskan aktiviti keusahawanan
- Mantapkan subjek keusahawanan
- Gabung penganjuran karnival kerjaya dan keusahawanan
- Adakan Karnival Satu Negeri Satu Payung bantu mahasiswa ketengahkan produk
- Perkenalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) rekod aktiviti keusahawanan

Penjenamaan semula program keusahawanan kampus perlu dilakukan selaras dengan keperluan semasa bagi menarik minat lebih ramai mahasiswa menceburi bidang perniagaan.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan Dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mass Hareeza Ali@Hamid, berkata pihaknya kini giat menyusun strategi bagi menambah nilai program keusahawanan sedia ada yang diperkenalkan sejak tahun 2007.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi memberi kebebasan kepada universiti awam (UA) untuk menentukan gaya penyampaian program keusahawanan kepada mahasiswa masing-masing, namun perlulah diterap dengan berkesan.

"Oleh itu, selain meneruskan legasi CEM UPM terdahulu, kami turut menggariskan pelbagai inisiatif bagi mentransformasi bidang keusahawanan kampus mulai tahun ini.

"Satu Jawatankuasa Pemandu akan ditubuhkan di UPM membabitkan pihak CEM, Pusat Kurikulum, UPM Holdings, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan Alumni bagi menyelaraskan semua aktiviti membabitkan keusahawanan di kampus, perkongsian maklumat serta kerjasama lain yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar," katanya.

Subjek keusahawanan

Katanya, jawatankuasa berkenaan akan memantapkan subjek keusahawanan yang diikuti lebih 1,600 mahasiswa setiap semester menerusi bimbingan 35 pensyarah daripada pelbagai bidang secara lebih interaktif dalam aspek komunikasi dan inovasi.

Beliau berkata, subjek keusahawanan yang wajib diikuti semua mahasiswa pula akan dinilai berdasarkan beberapa aspek iaitu ujian bertulis, poster

MAHASISWA PERLU MEMPUNYAI LESEN PERNIAGAAN PERINGKAT UNIVERSITI DAN RAKAN PEMBIMBING IAITU USAHAWAN SEBENAR, MALAH TURUT DIGALAK UNTUK MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKAN LAIN BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN KEPEMIMPINAN"

Dr Mass Hareeza Ali@Hamid,

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan Dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) Universiti Putra Malaysia (UPM)



Bimbingan dan pemantauan universiti dapat membantu mahasiswa mengembangkan perniagaannya.